



کمتريڻ کبودايان بليادان سوکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مسابقه تلاوة القرآن بليادان بليادان

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN
1444/2023

PERINGKAT AKHIR

Hari Khamis
4 Zulhijjah 1444 / 22 Jun 2023

Dewan Digadong
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam



مُسَابَقَةُ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِلُغَةِ الْجَزَائِرِ

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN


1444/2023





Isi Kandungan

- 4** Mesej Yang Berhormat
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 6** Kata Alu-Aluan Pengarah Belia dan Sukan
- 9** Atur Cara Majlis
- 10** Latar Belakang
- 16** Biodata Qari
- 20** Biodata Qariah

- 
- 26** Jawatankuasa Jemaah Hakim
- 27** Senarai Maqra
- 28** Johan Qari & Qariah dari Tahun 1995 -2022
- 30** Ristaan Musabaqah Tilawatil Quran
Belia Kebangsaan 2022
- 32** Pecahan Markah Peserta Peringkat Saringan
- 37** Piala Pusingan
- 

Mesej



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji dipanjatkan ke hadirat Allah subhanahu wa taala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta para pengikut Baginda yang taat dan jujur lagi setia hingga akhir zaman.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah subhanahu wa taala kerana dengan izin serta limpah dan rahmat-Nya jua, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 1444 Hijrah bersamaan 2023 Masihi dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Usaha dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir terus dipergiat dalam segala aspek dengan berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam. Islam itu sentiasa diletakkan paling atas dalam pentadbiran kerana ia merupakan kunci kejayaan sebuah negara Islam. Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan pendidikan agama di negara ini termasuklah pendidikan ilmu Al-Quran sebagai amalan harian kerana sebaik-baik amalan itu adalah mempelajari dan mengajarkan Al-Quran. Baginda amat mengharapkan rakyat dan penduduk di negara ini untuk sentiasa berdamping dengan Al-Quran sepertimana titah Baginda sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 2021 yang antara lain:

"Kita orang-orang Brunei akan menjadikan membaca Al-Quran itu sebagai budaya sepanjang zaman. Ertinya semua generasi kita, sama ada yang sedia ada mahupun yang akan lahir kemudian adalah generasi-generasi yang membaca Al-Quran belaka. Betapa bertuahnyanya negara jika harapan Beta ini tercapai, kerana Al-Quran jika terus dibaca oleh rakyat dan penduduk, tidak diragukan lagi negara akan mendapat berkat dan berhias dengan cahaya, kerana bukankah Al-Quran itu memang ia cahaya? Cahaya Al-Quran bukan seperti cahaya lampu atau pelita, tetapi cahaya Al-Quran mampu untuk menerangi hati sanubari dan menerangi kehidupan, bahkan menerangi alam kubur menurut ugama."

Oleh yang demikian, pengungkayahan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ini merupakan antara upaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memartabatkan Al-Quran seterusnya menarik minat golongan belia untuk membaca Al-Quran sejajar dengan usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan generasi Al-Quran di negara ini. Malah, musabaqah yang dilaksanakan ini juga cukup berperanan besar dalam melahirkan qari dan qariah negara yang berpotensi dan berkualiti untuk diketengahkan bersaing baik di peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa.

Akhirnya, saya sukacita merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada para belia yang menyertai Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan dari peringkat pemilihan hinggalah peringkat akhir. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) atas sumbangan berupa akaun Tekad Haji kepada johan, naib johan dan tempat ketiga musabaqah. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua ahli jawatankuasa kerja serta pihak yang terlibat dalam memastikan semua perancangan berjalan dengan sempurna. Semoga usaha yang baik dan berkebaikan ini akan mendapat ganjaran daripada Allah subhanahu wa taala jua.

DATO SERI SETIA AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kata Alu-Aluan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ALHAMDULILLAH, segala puji syukur kehadarat Allah Subahana Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua pada tahun ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sekali lagi berjaya mengungaykahkan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 1444/2023.

Penganjuran musabaqah ini telah bermula sejak tahun 1980an dan masih kekal sehingga kini ke arah mensy'arkan agama rasmi negara dalam usaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Musabaqah ini juga dapat dijadikan sebagai wadah ke arah melahirkan lebih ramai qari dan qariah belia di negara ini. Disamping untuk mengembangkan bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Melalui musabaqah ini juga mengalakkan kalangan golongan belia menghayati bacaan Al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Golongan belia digesa untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran dan memuliakannya melalui pembacaan yang baik dan memahami maksud yang terkandung di dalamnya.

Usaha pihak kementerian dalam meningkatkan lagi penguasaan para peserta dalam musabaqah adalah dengan mewajibkan para peserta untuk membawakan lagu wajib di dalam bacaan mereka; menganjurkan program Kemahiran Ilmu Al-Quran (K.I.A.) yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pertandingan dengan penyelarasan format sudut penilaian penghakiman di Peringkat Belia Kebangsaan dan Bahagian Dewasa Kebangsaan; dan memberikan insentif berbentuk wang tunai kepada peserta qari dan qariah belia yang berjaya memasuki Peringkat Separuh Akhir.

Seramai 100 orang telah mendaftar pada tahun ini namun hanya 71 peserta sahaja yang telah bersaing di Peringkat Saringan dan 30 peserta berjaya melangkah ke Peringkat Separuh Akhir. Daripada jumlah tersebut, seramai lapan peserta terbaik telah berjaya menempatkan diri untuk bertanding di Peringkat Akhir di samping seorang johan

menunggu qariah menjadikan peserta-peserta Peringkat Akhir seramai sembilan orang.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan musabaqah pada tahun ini iaitu khususnya Jawatankuasa Jemaah Hakim, Ahli Jawatankuasa Kerja, sukarelawan dan pihak individu yang banyak membantu ke arah kejayaan pada hari ini. Semoga sumbangan tersebut akan dibalas dengan ganjaran pahala yang setimpal jua.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya mendapat tempat di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 1444/2023 dari peringkat saringan, separuh akhir sehingga Peringkat Negara.

UMI KALTHUM BINTI HAJI ABDUL KARIM

Pengarah Belia dan Sukan
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023
Negara Brunei Darussalam



مُسَابَقَةُ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِلِيَاكِبِ حَسْبَاءِ

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN

1444/2023

PERINGKAT AKHIR

Atur Cara Majlis

- 7.00 malam : Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta hadir
- 7.30 malam : Para Jemputan hadir
- 8.00 malam : Tetamu Kehormat hadir
Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi
bin Awang Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
- : Acara dimulakan
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Ucapan Alu-Aluan oleh Pengerusi Majlis
Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim
Pengarah Belia dan Sukan
- : Ucapan Tetamu Kehormat
Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi
bin Awang Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
- : Musabqah Tilawatil Quran dimulakan
- : Persembahan Tausyeh
Kumpulan Ahlul Raahimin
- : Pengumuman Keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim
Yang Mulia Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit
- : Penyampaian Hadiah dan Cenderamata
Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi
bin Awang Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
- : Bacaan Doa Selamat
Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan
Pembantu Perkembangan Ugama
Pusat Pembangunan Belia
- : Majlis bersurai

Latar Belakang

1. LATAR BELAKANG

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ini adalah salah satu projek tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikelolakan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan. Ianya telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an lagi dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, ianya juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau "tarannum".

2. TUJUAN

Tujuan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ialah:

- 2.1 Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1996 Masehi pada 1 Jamadilakhir, 1417 bersamaan 13 Oktober 1996. Di antara lain titah Baginda:-

"Hasrat kita yang tunggal ialah melihat generasi Al-Quran itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan, terutama golongan belia. Kita akan merasa bangga dengan lahirnya belia-belia yang berwatak salih. Bahawa salah satu tanda kesalihan itu ialah terlibatnya mereka dengan Al-Quran sama ada keterlibatan itu selaku pembaca biasa, mahupun sekaligus menjadi penghayat dan pengamal ajaran-ajarannya."

- 2.2 Untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.
- 2.3 Untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.
- 2.4 Untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan di kalangan peserta belia melalui program keagamaan.
- 2.5 Untuk persediaan bagi pemilihan wakil Negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang paspot negara-negara asing.

- 3.2 Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1993 hingga 31 Disember 2008.
- 3.3 Tidak pernah menjadi JOHAN pertandingan-pertandingan berikut:
 - I. Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau
 - II. Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

4. **FORMAT PERTANDINGAN**

- 4.1 Pertandingan ini mengandungi tiga peringkat iaitu:
 - 4.1.1 **PERINGKAT SARINGAN;**
 - 4.1.1.1 Peserta-peserta di peringkat ini bebas untuk memilih mana-mana maqra yang telah disediakan oleh pihak penganjur.
 - 4.1.1.2 Jumlah kuota peserta untuk memasuki peringkat Separuh Akhir ialah seramai 30 orang sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah kuota Peringkat Separuh Akhir akan ditetapkan dengan persetujuan bersama Jawatankuasa Jemaah Hakim dan urus setia.
 - 4.1.2 **PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN;**
 - 4.1.2.1 Keramaian peserta di peringkat separuh akhir akan dimesyuaratkan oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim dan pihak urus setia.
 - 4.1.2.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.
 - 4.1.2.3 Peserta dikehendaki membawakan satu (1) lagu wajib yang akan ditentukan melalui undian..
 - 4.1.2.4 Empat peserta teratas dari bahagian qari dan qariah di peringkat ini adalah layak untuk bertanding di peringkat Akhir Kebangsaan. Manakala Johan Qari dan Qariah tahun 2021 juga akan dijemput ke Peringkat Akhir Kebangsaan 2022 (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan)
 - 4.1.3 **PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN;**
 - 4.1.3.1 Seramai sepuluh orang peserta iaitu lima qari dan lima qariah bertanding di peringkat ini termasuk Johan Menunggu Qari dan Qariah tahun 2021 (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan).

- 4.1.3.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.
- 4.1.3.3 Maqra-maqra akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 4.1.3.4 Peserta dikehendaki membawakan dua (2) lagu wajib yang akan ditentukan melalui undian.
- 4.1.3.5 Maqra, lagu wajib dan giliran membaca para peserta akan ditentukan melalui undian yang akan dijalankan sebelum hari pertandingan.

5. **TEMPOH BACAAN DAN ISYARAT LAMPU**

- 5.1 Tempoh membaca ialah 10 minit. Adapun perkiraan tempoh masa membaca bermula apabila peserta mula membaca ta'awwuz.
- 5.2 Peserta boleh memulakan bacaan setelah lampu hijau dinyalakan dan jemaah hakim akan mula menilai bacaan peserta.
- 5.3 Ketika bacaan masuk minit kelapan, lampu kuning dinyalakan dan lampu hijau dipadamkan, menandakan masa untuk membaca masih ada 2 minit, dan peserta dikehendaki bersedia untuk mengakhiri bacaan.
- 5.4 Apabila masa genap 10 minit, lampu merah dinyalakan dan lampu kuning dipadamkan, menandakan masa membaca telah tamat.

6. **FORMAT PENGHAKIMAN**

6.1 **PERINGKAT SARINGAN**

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada enam orang iaitu;

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim/Hakim Ganti
- 3) Hakim Tajwid
- 4) Hakim Fasahah
- 5) Hakim Suara
- 6) Hakim Lagu

6.2 **PERINGKAT SEPARUH AKHIR**

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu;

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim
- 3) Hakim Tajwid

- 4) Hakim Tajwid
- 5) Hakim Fasahah
- 6) Hakim Fasahah
- 7) Hakim Suara
- 8) Hakim Suara
- 9) Hakim Lagu
- 10) Hakim Lagu
- 11) Hakim Ganti

6.3 PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN

6.3.1. Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu:

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim
- 3) Hakim Tajwid
- 4) Hakim Tajwid
- 5) Hakim Fasahah
- 6) Hakim Fasahah
- 7) Hakim Suara
- 8) Hakim Suara
- 9) Hakim Lagu
- 10) Hakim Lagu
- 11) Hakim Ganti

6.4 JAWATANKUASA LAGU WAJIB

6.4.1. Jawatankuasa Lagu Wajib akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada 4 orang iaitu:

- 1) Pengerusi
- 2) Timbalan Pengerusi
- 3) Ahli
- 4) Ahli

QARI DAN QARIAH

ABDUL HAZIQ



AFIQ HARIRIE



ABDUL QAWIYYEL



ZAINAL MUSTAPA



NAJLA SABRENA



DAYANGKU ALMA



NUR HIDAYAH



SITI HANANI



DAYANGKU ALYA



ABDUL HAZIQ SYARAFUDDIN BIN ABDUL HABIB

Tarikh Lahir : 20 Jun 1999
Pendidikan : Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Nama Bapa : Awang Abdul Habib
bin Haji Mohd Jair
Nama Ibu : Dayangku Hajah Norain binti
Pengiran Haji Hitam



Tempat Berguru

Yang Mulia Dato Paduka Haji Yusof bin Bakar

Yang Mulia Ustaz Mustaqim bin Sariyun

Yang Mulia Haji Suhaili bin Haji Tarip

Yang Mulia Ustaz Abdul Qawiyuddin bin Haji Suhaili

Yang Mulia Ustaz Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2022	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2021	- Tempat Ketiga Peserta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2019	- Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Sempena Jubli Perak Jame Asri
2019	- Mewakili Negara Brunei Darussalam Ke Maghribi Untuk Musabaqah Hafazan 3 Juzuk dan Tilawah Al-Quran

AFIQ HARIRIE BIN HAJI MAT DAUD

Tarikh Lahir : 19 Januari 1997

Pendidikan : Takhassus Al-Quran wal Qiraat,
Maahad Qiraat Shoubra, Mesir

Nama Bapa : Haji Mat Daud bin Haji Abdul Kadir

Nama Ibu : Moraniyani binti Sopian



Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Mat Daud bin Haji Abdul Kadir

Yang Mulia Mohd. Hashim bin Haji Abdullah

Yang Mulia Haji Md. Noor bin Haji Ibrahim

Yang Mulia Dato Paduka Haji Md. Yussop bin Bakar

Yang Mulia Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2022	- Tempat Ketiga Peraduan Membaca Al-Quran Belia Masjid Senegara Tempat Ketiga Zainul Quran bagi Belia dan Dewasa Masjid, Surau, Balai Ibadat Peringkat Senegara
2021	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2020	- Tempat Ketiga Zainul Quran bagi Belia dan Dewasa Masjid, Surau, Balai Ibadat Peringkat Senegara Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2015	- Tempat Ke-empat Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2013	- Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Interaktif anjuran Radio rangkaian Nurlslam
2008	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Tempat Ketiga Musabaqah Tilawah Al-Quran kategori kanak-kanak MABIMS di Yogyakarta Johan Pertandingan Membaca Al-Quran murid-murid Sekolah Ugama/Sekolah Arab peringkat Negara

ABDUL QAWIYYEL AZEEZ BIN HAJI ABD RAJID



Tarikh Lahir : 25 September 1995

Pendidikan : Pearson BTEC Level 5, Higher National Diploma In Computing

Nama Bapa : Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh

Nama Ibu : Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh (bapa)

Yang Mulia Imam Haji Md Daud bin Haji Abdul Kadir

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Muhd Yusof bin Bakar

Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Noor bin Haji Ibrahim

Yang Mulia Ustaz Aslinan bin Haji Metussin

Yang Mulia Ustaz Che Yahya bin Daud

Yang Mulia Ustaz Minfadhilillah bin Abdul Hamid

Yang Mulia Ustaz Dasrizal M Nainin

Yang Mulia Al Fadilatusyeikh Duktoor Abdul Fattah Al Tarouti

Yang Mulia Al Fadilatusyeikh Abdul Rasyid Ali Sufi

Yang Mulia Ustazah Hjh Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit

Yang Mulia Ustazah Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2023	- Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia & Beliawanis Senegara Anjuran Masjid Kampung Pandan, Kuala Belait
2022	- Tempat Ketiga Musabaqah Zainul Quran
2019	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2018	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2016	- Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia & Beliawanis Senegara Anjuran Jame' Jame' Asr Hassanil Bolkiah
2015	- Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia & Beliawanis Senegara Anjuran Jame' Asr Hassanil Bolkiah

ZAINAL MUSTAPA BIN JALUDDIN



Tarikh Lahir : 4 Februari 2004
Pendidikan : Siswa Diploma Aliyah Qiraat Tahun Kedua
Nama Bapa : Jaluddin bin Haji Hujan
Nama Ibu : Yati Kusmiati binti Nuruddin

Tempat Berguru

Yang Mulia Cikgu Haji Muhd Shahrani @ Haji Syahmi Aminuddin bin Haji Timbang @ Haji Ismail (2012- sekarang)

Yang Mulia Cikgu Hajah Kamaliati binti Haji Abd Latif (2016)

Yang Mulia Almarhumah Ustazah Hajah Jamilah binti Haji Abd Manaf (2017 – 2018)

Yang Mulia Ustazah Hajah Siti Huzaimah Yadiy binti Haji Rosli (2017-2019)

Yang Mulia Ustazah Hajah Maidah binti Haji Abd Rahman (2019)


Yang Mulia Ustaz Haji Mustaqim bin Sariyun (2018- sekarang)

Yang Mulia Ustaz Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili (2018-sekarang)

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2022	- Musabakah Tilawah Belia Kebangsaan Peringkat Separuh Akhir
2020	- Johan Musabakah Tilawatil Quraan ITQSHHB Menengah Bawah
2018	- Johan Musabakah Tilawatil Quraan ITQSHHB Menengah Bawah
2017	- Johan Pertandingan Taranum Al-Quraan Antara Kelas Pelajar Tahun 1 (STAR)
2016	- Johan Musabakah Tilawatil Quraan Peringkat Sekolah-Sekolah Arab dan Ugama Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah
2014	- Johan Kategori Ba Peraduan Membaca Alquraan bagi Sekolah-sekolah Ugama JPI

NAJLA SABREENA BINTI HAJI ABD RAJID



Tarikh Lahir : 26 April 2004

Pendidikan : Penuntut Tahun 11, Sekolah
Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri
Pengiran Anak Hajah Saleha

Nama Bapa : Awang Haji Abd Rajid
bin Haji Mohd Salleh

Nama Ibu : Pengiran Hajah Radiah
binti Pengiran Haji Mohd Tahir

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh (Bapa Sendiri)

Yang Mulia Hajah Maidah binti Haji Abd Rahman

Yang Mulia Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli

Yang Mulia Hajah Aminah binti Haji Abd Manap

Yang Mulia Haji Hazwan bin Haji Salim

Yang Mulia Haji Ibrahim bin Haji Sahat


Yang Mulia Haji Azulhanita bin Awang Haji Tarip

Skim Tilawah Al-Quran Remaja (2017-2020)

Kursus Qari Qariah Muda anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2022	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2021	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2020	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
	Mengikuti Bengkel Asas Tarannum Al-Quran Bagi Pelajar-Pelajar Pilihan Dari Skim Tilawah Al-Quran Remaja
	Johan Musabaqah Menghafaz Ayat Suci Al-Quran Beserta Pemahaman Peringkat Kebangsaan (Kategori B)
	Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab Senegara

- 
- 2019 - Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Belia Kebangsaan
- Mengikuti Kursus Qari-Qariah Muda Anjuran Bahagian Kemajuan Syiar Islam Dengan Kerjasama PPPQ MABIMS
- Mengikuti Kursus Tarannum Al-Quran Siri Ke-2 Anjuran Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS
- 2018 - Naib Johan Musabaqah Menghafaz Ayat Suci Al-Quran Beserta Pemahaman Peringkat Kebangsaan

DAYANGKU ALMA HAZIRAH BINTI PENGIRAN HAJI JOFRI



Tarikh Lahir : 24 Mac 1999

Pendidikan : Pearson BTEC Level 5 Higher
National Diploma in Computing
(Cosmopolitan College of
Commerce & Technology)

Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri
bin Pengiran Adi

Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah
binti Haji Abd Manaf

Tempat Berguru

Ibu bapa Sendiri

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2023	- Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (Peringkat Saringan dan Separuh Akhir)
2022	- dan Musabaqah Membaca Al Quran Bahagian Dewasa (Peringkat Saringan Masjid-
2021	- Masjid dan Peringkat Separuh Akhir)
2020	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Secara Berkumpulan (Zainul Quran) Senegara Kali ke 2
2019	- Tempat ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bagi Mahasiswa & Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi Sempena Sambutan Jubli Perak Jame' Asr Hassanil Bolkiah
2018	- Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Masjid, Peringkat Daerah dan Peringkat Separuh Akhir
2017	- Tempat keempat Musabaqah Tilawatil Quran Kebangsaan
2015	- Johan Pertandingan Membaca Al-Quran Senegara Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Kali Ke-31
2014	- Johan Peraduan Membaca Al-Quran Senegara Persatuan Pandu Puteri
2013	- Naib Johan Peraduan Membaca Al-Quran Senegara Persatuan Pandu Puteri
2012	- Johan Kategori 'A' Perempuan bagi Peraduan Membaca Al-Quran Pelajar-Pelajar Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Peringkat Negara
2010	- Naib Johan Kategori 'B' Perempuan bagi Peraduan Membaca Al-Quran Pelajar-Pelajar Sekolah Ugama Kali Ke-47

NUR HIDAYAH BINTI JUNAIDI

Tarikh Lahir : 27 Julai 2005
Pendidikan : Pelajar Pra U1 Di SMALHB
dalam Bidang Syariah
Nama Bapa : Junaidi bin Haji Md Arshad
Nama Ibu : Pengiran Noor Hayati
binti Pengiran Haji Bakar



Tempat Berguru

Yang Mulia Ustazah Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit (2020-2021)

Yang Mulia Ustaz Haji Mahrof bin Haji Chuchu (2023)

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2023	- Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran SMALHB
2022	- Johan Peraduan Membaca Al-Quran Tarannum (Kategori Alif) Pelajar-Pelajar Sekolah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
2021	- Berjaya Ke Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Senegara Kali Ke-37 Anjuran Kementerian Pendidikan Naib Johan Pertandingan Tarannum Al-Quran SUAMPRIPAHS
2020	- Berjaya Ke Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan

SITI HANNANI BINTI HAJI RAMLI



Tarikh Lahir : 28 Jun 2000

Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda (Pemasaran)
Program Diploma 'Aliyah Qiraat
(HND)

Nama Bapa : Haji Ramli bin Haji Mohd. Thani

Nama Ibu : Hajah Mahani
binti Pengarah Haji Kapitan

Tempat Berguru

Yang Mulia Ustaz Haji Pengiran Norhakim (2012)

Yang Mulia Afiq Haririe bin Haji Mat Daud (2023)

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
-------	------------

- | | |
|------|---|
| 2023 | - Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran bagi Sekolah-sekolah Ugama & Arab |
| 2012 | - Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran bagi Sekolah-sekolah Ugama & Arab |

DAYANGKU ALYA SYAHIRAH BINTI PENGIRAN HAJI JOFRI

Tarikh Lahir : 8 September 2002
Pendidikan : UNISSA
Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri
bin Pengiran Adi
Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah
binti Haji Abd Manaf



Tempat Berguru

Ibu bapa Sendiri

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2022	- Menyertai Musabaqah Membaca Al Quran Bahagian Dewasa (Peringkat Saringan Masjid-Masjid dan Peringkat Separuh Akhir)
2021	- Peringkat Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2020	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Secara Berkumpulan (Zainul Quran) Senegara Kali ke 2 Peringkat Akhir
2016	- Johan Pertandingan Membaca Al-Quran Senegara Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab
2015	- Johan Bahagian Perempuan Peraduan Membaca Al-Quran Sekolah Ugama

Jawatankuasa Jemaah Hakim

BIL	NAMA	LANTIKAN
1.	Yang Mulia Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit	Pengerusi
2.	Yang Mulia Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof	Timbalan Pengerusi
3.	Yang Mulia Awang Mohd Noor bin Haji Ibrahim	Setiausaha dan Hakim Ganti
4.	Yang Mulia Haji Abdul Hafiez bin Haji Noh Al-Hafiz	Hakim Tajwid I
5.	Yang Mulia Haji Termizi bin Haji Mahmod	Hakim Tajwid II
6.	Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman	Hakim Fasahah I
7.	Yang Mulia Awang Muhammad Azim bin Haji Ali	Hakim Fasahah II
8.	Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Yussop bin Bakar	Hakim Lagu I
9.	Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Zainul Arifin Ridwan Lubis	Hakim Lagu II
10.	Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat	Hakim Suara I
11.	Yang Mulia Awang Haji Mohd Albi bin Haji Ibrahim	Hakim Suara II

Senarai Maqra

BIL	SURAH	BERMULA AYAT	JUZ
1	Al-Baqarah	83	1
2	Al-Baqarah	122	1
3	Aali 'Imraan	118	4
4	An-Nisaa	79	5
5	Al-An'aam	125	8
6	Al-A'raaf	31	8
7	Al-Kahfi	83	16
8	Ad-Dukhaan	17	25
9	Al-Mulk	12	29

Johan Qari & Qariah

TAHUN	QARI	QARIAH
1995	Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Batang	Yang Mulia Dayang Norhalifah binti Haji Sulaiman
1997	Yang Mulia Awang Haji Aslenan bin Haji Metussin	Yang Mulia Dayang Amalina binti Khamis
1998		Yang Mulia Dayang Saripah binti Haji Takong
1999	Yang Mulia Awang Muhammad Hasrin bin Haji Khamis	Yang Mulia Dayang Hajjah Nor Zirwatul Fadillah binti Haji Khamis
2000	Yang Mulia Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu	Yang Mulia Dayang Nurul Akmalina binti Haji Yahya
2001		
2002		
2003	Yang Mulia Awang Zulhimi bin Haji Abidin	Yang Mulia Dayang Norezah binti Haji Md Deli
2004	Yang Mulia Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin	
2005	Yang Mulia, Awangku Md. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki	Yang Mulia Dayang Nurfaezah binti Haji Emran
2006	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat
2007		Yang Mulia Dayang Hajjah Siti Khadijah binti Haji Ibrahim
2008	Yang Mulia Awangku Md Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki	Yang Mulia Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2009		Yang Mulia Dayang Nor Azriah binti Haji Abdul Aziz
2010	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud

TAHUN	QARI	QARIAH
2011	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2012	Yang Mulia Awang Hazwan bin Haji Salim	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2013	Yang Mulia, Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	
2014	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri
2015		Yang Mulia Dayang Fatin Nurhanani binti Haji Mohdar
2016	Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki
2017	Yang Mulia Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri
2018	Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2019	Yang Mulia Awang Abdull Muin bin Haji Abd Hamid	Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki
2020	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2021	Yang Mulia Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2022	Yang Mulia Awang Haji Hazwan bin Haji Salim	Yang Mulia Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid






Ristaan
MUSABAQAH TILAWATIL QURAN
BELIA KEBANGSAAN 2022



Pecahan Markah Peserta Peringkat Separuh Akhir



Jumlah Markah	Qari	Qariah	Jumlah Keseluruhan
65% Ke bawah	1	0	1
65% - 69%	3	4	7
70% - 74%	2	4	6
75% - 79%	6	2	8
80% - 84%	12	8	20
85% - 89%	7	5	12
90% - 94%	13	4	17
95% - 99%	0	0	0


Markah Peserta Qari Peringkat Saringan Yang Layak Ke Peringkat Separuh Akhir Mengikut Kedudukan

Bil	Perkara	Jumlah Peratus [%]
1	Qari	94.50 %
2	Qari	93.75 %
3	Qari	92.75 %
4	Qari	92.75 %
5	Qari	92.75 %
6	Qari	92.50 %
7	Qari	92.25 %
8	Qari	92.25 %
9	Qari	92.25 %
10	Qari	91.75 %
11	Qari	91.75 %
12	Qari	91.20 %
13	Qari	90.50 %
14	Qari	89.75 %
15	Qari	89.45 %

Markah Peserta Qari Peringkat Saringan Yang Layak Ke Peringkat Separuh Akhir Mengikut Kedudukan

Bil	Perkara	Jumlah Peratus [%]
1	Qariah	92.50 %
2	Qariah	91.75 %
3	Qariah	91.50 %
4	Qariah	91.25 %
5	Qariah	89.50 %
6	Qariah	88.75 %
7	Qariah	87.50 %
8	Qariah	86.75 %
9	Qariah	85.00 %
10	Qariah	84.50 %
11	Qariah	83.00 %
12	Qariah	82.25 %
13	Qariah	82.25 %
14	Qariah	82.00 %
15	Qariah	81.50 %

Pecahan Markah Peserta Peringkat Separuh Akhir



Jumlah Markah	Qari	Qariah	Jumlah Keseluruhan
90% ke atas	2	0	2
80% - 89%	12	8	20
70% - 79%	0	2	2
60% - 69%	1	5	6
60% ke bawah	0	0	0
Jumlah Peserta	15	15	30

Markah Peserta Peringkat Separuh Akhir Yang Layak Ke Peringkat Akhir Mengikut Kategori dan Kedudukan

Bil	Perkara	Jumlah Peratus [%]
1	Qari	91.38 %
2	Qari	90.50 %
3	Qari	89.88 %
4	Qari	89.00 %

Bil	Perkara	Jumlah Peratus [%]
1	Qariah	85.00 %
2	Qariah	84.88 %
3	Qariah	84.63 %
4	Qariah	84.50 %

Piala Pusingan

Bagi Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



Johan Qari dan Qariah

Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023
mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan
kerjasama, buah fikiran dan material bagi menjayakan majlis ini terutama sekali kepada:

Tetamu Kehormat Majlis
Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Para Tetamu Khas dan Jemputan-Jemputan

Ibu bapa / Penjaga Peserta Qari dan Qariah

Radio Televisyen Brunei
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Pusat Dakwah Islamiah
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Bahagian Kemajuan Syiar Islam
Jabatan Pengajian Islam
Bahagian Kemajuan Syair Islam
Bahagian Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan [KUPUSB]
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama


Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi [JASTRE]
Kementerian Pembangunan

Penaja



Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

Dan kepada sesiapa jua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023 [Peringkat Akhir]



www.belia-sukan.gov.bn



ubs.bn



jabatan belia dan sukan